

**KENYATAAN AKHBAR  
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA**

**PENCAPAIAN TINDAKAN PENGUATKUASAAN DAN  
PERUNDANGAN DI BAWAH UNDANG-UNDANG KESIHATAN  
AWAM BAGI BULAN FEBRUARI, 2011.**

---

Kementerian Kesihatan Malaysia sentiasa berusaha meningkatkan mutu perkhidmatan untuk kesejahteraan penduduk Malaysia, dan ini termasuklah mengambil tindakan penguatkuasaan undang-undang kesihatan awam untuk kepentingan kesihatan awam.

Bagi bulan Februari, 2011 kami ingin memaklumkan hasil dan tindakan penguatkuasaan kesihatan awam.

- 1). Melalui tindakan penguatkuasaan Akta Pemusnahan Serangga Pembawa Penyakit 1975 bagi tujuan kawalan wabak denggi, sejumlah 1,145 kompaun yang bernilai RM 442,300.00 telah dikeluarkan dengan purata RM386.00 tiap kompaun. Sejumlah 83 kes telah didaftar untuk tindakan mahkamah di dalam masa yang sama 25 telah diselesaikan oleh mahkamah dimana sejumlah RM9,550.00 denda dikenakan, iaitu purata denga RM382.00 tiap denda.

- 2). Melalui penguatkuasaan kawalan hasil tembakau (PPKHT 2004) daripada 6,922 lawatan pemeriksaan, sejumlah 986 kompaun bernilai RM 207,400.00 dikeluarkan dengan nilai purata RM210.00 tiap kompaun. Sejumlah 279 telah didaftar ke mahkamah didalam masa yang sama sejumlah 41 kes dengan denda RM8,460.00 telah diselesaikan oleh mahkamah. Purata denda tiap kes adalah RM206.00.

Adalah dimaklumkan bahawa tindakan penguatkuasaan adalah pilihan terakhir yang diambil oleh Kementerian Kesihatan Malaysia. Orang ramai, serta semua pihak adalah diminta untuk menjalankan tugas dan tanggungjawab masing-masing agar keberkesanan pelaksanaan aktiviti kesihatan mencapai tahap optimum.

Sekian dan terima kasih.

**DATO' DR. HASAN BIN ABDUL RAHMAN**

Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia

21 Mac 2011